

Najib tak patut fail petisyen ke PBB

PETALING JAYA: Tindakan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memfailkan petisyen kepada Kumpulan Kerja Penahanan Arbitari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWGAD) dianggap memperlekeh undang-undang negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengamal undang-undang, Mior Nor Haidir Suhaimi berkata, ini kerana bekas Ahli Parlimen Pekan itu masih mempunyai satu lagi proses rayuan untuk mempersoal ketidakadilan iaitu semakan kehakiman.

Beliau berkata, selain daripada pengampunan diraja, sema-

kan kehakiman itu proses yang dibenarkan dalam kehakiman negara.

Sehubungan itu katanya, Najib sepatutnya menunggu proses semakan kehakiman itu terlebih dahulu sebelum mengambil apa-apa tindakan termasuk meminta bantuan campur tangan kuasa asing.

“Apa yang beliau buat adalah suatu perkara seperti memainkan kedaulatan undang-undang negara kerana semua sedia maklum beliau ada lagi proses rayuan, jadi tidak boleh menuding jari sistem tidak adil.

“Kalau diikutkan rayuan dari

segi kes sudah habis, cuma (rayuan) dari sudut kehakiman. Jika dikatakan tidak adil dan pendengaran tidak sempurna, maka semakan kehakiman itulah tempatnya. Semua akan dibangkitkan dalam pendengaran semakan nanti.

“Ini sudah macam memperlekeh undang-undang negara, belum habis (semakan kehakiman), tetapi sudah katakan sistem tidak adil. Dalam proses undang-undang semua melalui proses yang sama, jadi kena bersabar (tunggu) semakan kehakiman itu,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin media melaporkan, peguam mewakili Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah memaklumkan, anak guamnya memfailkan petisyen kepada UNWGAD bagi meminta dibebaskan atau dibicarakan semula susulan hasil pendengaran rayuan di Mahkamah Persekutuan didakwa mempunyai kecacatan serius dan melanggar undang-undang antarabangsa.

Muhammad Shafee berkata, anak guamnya memohon panel UNWGAD membabitkan lima pakar keadilan antarabangsa memutuskan bahawa penolakan rayuannya pada 23 Ogos

lalu adalah tidak adil, melanggar hak asasi manusia dan Perlembagaan Persekutuan.

Mengulas lanjut Mior Nor Haidir berkata, selagi proses itu belum selesai, Najib tidak wajar mengambil sentimen luar semata-mata untuk meraih simpati.

Jelasnya, ini kerana semakan kehakiman sama seperti proses rayuan, tetapi lebih kepada menyemak keputusan sedia ada.

“Di semakan kehakiman, boleh semak daripada peringkat awal sampai akhir berhubung aspek ketidakadilan dan teknikal, jadi di situ nanti akan ada keputusan,” katanya.